

# Masyarakat Cina diminta terima usaha kerajaan

19 AUG 1992

**K**UALA LUMPUR 18 Ogos -- Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta masyarakat Cina menerima dengan sikap positif usaha kerajaan membantu bumiputera dalam bidang perniagaan.

Perdana Menteri berkata, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sebenarnya bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan peluang yang adil kepada semua pihak.

"Dasar seperti ini sajalah yang akan menjamin kestabilan dan perpaduan di negara ini," kata Dr. Mahathir ketika berucap merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia ke-2 di Hotel Hilton di sini.

Kongres itu dianjurkan oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM).

Menurut Dr. Mahathir, selaras dengan dasar ini juga kerajaan akan meneruskan usaha membantu kaum bumiputera supaya kedudukan mereka setanding dengan kaum lain dalam perniagaan.

Tetapi, katanya, tumpuan akan diberi kepada

pewujudan pengurus-pengurus dan pengusaha yang berpengetahuan, cekap, berinisiatif, berdikari serta berkemampuan menguruskan projek-projek di pasaran terbuka.

Dalam perkataan lain, kata Perdana Menteri, kerajaan mahukan satu masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing, dinamik dan progresif.

"Saya berharap masyarakat Cina tidak akan tersalah anggap perkara ini sebagai satu ketidakadilan kepada mereka.

## Kestabilan

"Sebaliknya, mereka hendaklah menerima perkara ini secara positif sebagai satu usaha dan langkah ke arah kestabilan politik yang akan membawa kepada kebaikan jangka panjang kepada negara," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir lagi, ekonomi negara yang berkembang pesat akan membuka peluang-peluang yang lebih banyak dan tidak ada siapa yang akan rugi jika peluang ini diagihkan untuk mengimbangi pembangunan kaum di Malaysia.

Katanya, kongres ini sepatutnya membincangkan cara-cara meningkatkan usahasama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Ini, kata beliau, merupakan langkah yang berkesan ke arah mencapai integrasi ekonomi dan menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi di samping membantu usahawan bumiputera memasuki bidang perniagaan dengan berkesan.

Jelas beliau, interaksi seperti ini akan menghapuskan syak wasangka di antara kedua-dua pihak dan akan mengurangkan perasaan perkauman yang tebal.

Orang-orang Melayu pula, katanya, hendaklah menggunakan usahasama ini sebagai satu cara untuk mempelajari selok belok perniagaan dan bukan untuk mencari jalan bagaimana hendak cepat kaya.

Beliau berkata, orang-orang Cina pula hendaklah menganggap rakan usahasama Melayu mereka sebagai sama taraf atau rakan kongsi yang sebenar dan bukan sebagai alat untuk mendapatkan kemudahan dari kerajaan.

"Saya yakin dengan sikap positif seperti ini banyak projek usahasama akan dapat diwujudkan dengan jayanya lebih-lebih lagi tumpuan kongres ini ialah untuk membincangkan peranan yang patut dimainkan oleh masyarakat Cina Malaysia dalam memajukan ekonomi negara dan mencapai cita-cita Wawasan 2020," ujar beliau.

## Kebolehan

Masyarakat Cina, katanya, mempunyai kebolehan yang unik dalam bidang perniagaan dan berkongsi pengalaman yang sama dengan kaum bumiputera akan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Bagi pihak kerajaan pula, kata Dr. Mahathir, kerajaan akan meneruskan dasar liberal dan terbuka yang ada sekarang untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada sektor swasta.

Beliau menambah, jentera dan prosedur kerajaan akan diperkemaskan lagi untuk memudahkan pihak swasta menjalankan urusan mereka dengan lincin dan cekap.